

TARIKH : 07 JULAI 2021

PERKARA: SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (SPP)

SPP disaran turut ambil guru OKU

July 7, 2021 @ 10:49pm



Datuk Ras Adiba Radzi

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) disaran memastikan sekurang-kurangnya satu peratus atau 187 orang daripada 18,702 pengambilan khas guru secara 'one-off', dikhkususkan kepada orang kurang upaya (OKU) berkelayakan.

Senator Datuk Ras Adiba Radzi berkata, langkah itu akan membantu Kementerian Pendidikan (KPM) mencapai sasaran Dasar Satu Peratus peluang pekerjaan kepada golongan OKU dalam perkhidmatan awam, sekali gus menjadi teladan baik kepada sektor swasta.

"Ini juga selaras keperluan pembangunan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 iaitu untuk memperkuuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama akan tercapai.

"Selain itu, ia bertepatan dengan amalan di negara maju seperti Australia apabila golongan OKU diberi peluang seluas-luasnya menceburi pelbagai bidang termasuk pendidikan. Saya ingin tekankan OKU perlu mempunyai hak sama seperti orang lain," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Ras Adiba berkata, kekurangan yang ada tidak boleh dijadikan alasan untuk menidakkannya hak golongan itu kerana mereka juga sebahagian daripada masyarakat.

Beliau berkata, Dasar Satu Peratus pekerja OKU dalam sektor awam diperkenal pada 1988 dengan pelaksanaannya melalui Perkhidmatan Pekeliling pada 2008 serta 2010, namun sehingga kini, hanya empat kementerian mempunyai kakitangan golongan OKU melebihi satu peratus.

Katanya, kementerian terbabit ialah Kementerian Pertahanan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta Kementerian Perpaduan Negara. -- BERNAMA